

# SERAH TERIMA TUGAS PENGARAH PENYELIDIKAN

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4423-serah-terima-tugas-pengarah-penyelidikan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4423-serah-terima-tugas-pengarah-penyelidikan)

KUALA LUMPUR, 25 Januari 2019 – Kol Nazaruddin bin Haron TUDM hari ini secara rasminya memegang jawatan Pengarah Penyelidikan, Markas Tentera Udara Bahagian Sumber Manusia bagi menggantikan Brig Jen Hjh Fadzillah binti Hj Abdullah TUDM yang bertukar keluar ke Markas ATM, Bahagian Operasi dan Latihan Pertahanan (MATM, BOLP) selaku Ketua Pengarah Cawangan Latihan Pertahanan.

Upacara serah terima tugas yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Nuri telah disaksikan oleh Asistan Ketua Staf Sumber Manusia, Brig Jen Dato' Hj Md Fauzi bin Saleh TUDM dan turut dihadiri oleh warga MTU BSM.

